

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000**

**FEBRUARI 2000**

**RAK 344 – Sejarah dan Teori Seni Bina 1**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan ini terbahagi kepada **BAHAGIAN A, B dan C**. Jawab **LIMA** soalan sahaja. Jawab **SATU** soalan dari **setiap BAHAGIAN A, B dan C**. Pilih **DUA** lagi soalan dari **mana-mana BAHAGIAN**.

**BAHAGIAN A**

1. (a) Huraikan tiga ciri-ciri seni bina Kristian Awal dengan memberi contoh-contoh dan berbantuan lakaran.

(b) Huraikan tujuan dan bagaimana ‘pendentives’ dibentuk terutama dalam gereja di zaman Byzantine.

( 20 MARKAH )

2. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan ‘orders’, lakarkan dan huraikan ketiga-tiga ‘Greek orders’.

(b) Apakah yang dimaksudkan dengan istilah-istilah berikut :

- (i) ‘trabeated architecture’
- (ii) ‘utilitarian architecture’
- (iii) ‘monumental architecture’

( 20 MARKAH )

3. (a) Huraikan perkara-perkara berikut:

- (i) Sistem struktur kerangka Gothic atau ‘the Gothic skeleton’
- (ii) Roh seni bina Gothic atau ‘the Gothic spirit’

(b) Huraikan bagaimana satu sistem keselamatan terutama dari pencuri dan penceroboh difikirkan dalam seni bina mastaba dan pyramid.

( 20 MARKAH )

...2/-

**BAHAGIAN B**

4. (a) Apakah faktor utama yang mempengaruhi rekabentuk seni bina tradisional Jepun? Sila huraikan dari segi falsafah penggunaan bahan dan susunatur ruang-ruang dalam sesuatu binaan.

(b) Bincangkan tentang ajaran Shintoisme yang mempengaruhi senibina tradisional Jepun. Huraikan juga elemen yang menjadi sumber utama ajaran ini.

( 20 MARKAH )


5. Kaitkan falsafah seni bina tradisional dengan susunatur ruang-ruang dalam rumah tradisional petani dalam segi pergerakan susunatur dan kedudukan ruang lapang (court yard).

( 20 MARKAH )

6. (a) Apakah perbezaan di antara falsafah seni bina tradisional India-Hindu dan India-Buddha yang mempengaruhi bentuk sesuatu seni bina. Huraikan tentang perbezaan yang terdapat di antara kedua seni bina tradisional India ini.

(b) Seni bina tradisional India-Buddha mementingkan pergerakan dalam ritual agama. Sebutkan bentuk seni bina yang mempengaruhi pergerakan ini. Berikan contoh-contoh kompleks keagamaan yang mempunyai ciri-ciri tersebut.

( 20 MARKAH )

**BAHAGIAN C****Gambarajah 1**

7. Berdasarkan **Gambarajah 1**:

- (a) Bezakan penerangan **sejarah alternatif** daripada **sejarah popular**.
- (b) Bezakan peranan **buku** di dalam tamadun manusia mengikut kedua bentuk penerangan sejarah ini.
- (c) Bezakan arkitektur yang **dijelmakan dari buku** dan arkitektur yang **dijelmakan tanpa buku** mengikut penerangan-penerangan sejarah ini.

( 20 MARKAH )

8. Penerangan sejarah popular mengkategorikan Taj Mahal sebagai satu artifak seni bina Islam, sedangkan fungsinya sebagai tempat jenazah seorang individu tidaklah berbeza dari piramid yang merujuk kepada hubungan Nabi Musa-Firaun, bertentangan langsung dengan ajaran Islam.

- (a) Terangkan mengapa ahli sejarah **menkelaskan** seni bina sedemikian rupa.
- (b) Apakah **masalah pengkelasian seni bina** mengikut agama?
- (c) Apakah bentuk **taksonomi** yg diperlukan untuk melepaskan pemahaman dari belenggu pengkelasian di atas?

( 20 MARKAH )

...4/-

9. Untuk bersaing di peringkat dunia, berikan pandangan anda dari tiap satu aspek **aktor-niat-laku-aturan-tapak-hasil**, petikan berikut:

*"Untuk pelaksanaannya, senibina tradisional tidak memerlukan pelan-pelan-pelan dan lukisan terperinci. Sama seperti seni pahat san seni-seni lain, senibina adalah hasil interaksi naluri jurubina dengan medianya. Segala perubahan berlaku di dalam proses penciptaan dan semuanya dapat dilaksanakan. Ini adalah kerana tiada ketetapan terpeinci sebelum pembinaan. Dalam binaan, terutamanya bangunan kediaman, kerja-kerja dilakukan secara sukarela, bergotong-royong dan menggunakan abdi atau pekerja upahan. Hasil dari itu, senibina merupakan persemadian cinta, kerjasama dan titik peluh ramai berlandaskan ilmu pengetahuan dan pengalaman tukang. Ini juga membezakan senibina dari arkitektur."*

( 20 MARKAH )

oooOOooo